

Penerokaan Tasik Chini punca Sungai Pahang cetek

Berita Harian (Alam Sekitar) 25/2/19 m/s:14.

Pekan: Kegiatan penerokaan tanah berhampiran Tasik Chini di sini bukan sahaja memberi kesan kepada tapak rizab biosfera negara itu tetapi Sungai Pahang di bahagian Pekan dalam jangka panjang.

Antara kesan boleh menimpa sungai terpanjang di Semenanjung itu adalah menjadi semakin cetek dan mengganggu ekosistem serta biodiversiti yang antaranya menjadi sumber rezeki penduduk seperti ikan patin, baung dan udang.

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Nadiatul Adilah Ahmad Abdul Ghani, berkata kegiatan ekonomi berhampiran Tasik Chini pada masa kini memang membimbangkan.

“Apabila kita naik bot menyusuri Tasik Chini, kiri dan kanan ada aktiviti penerokaan tanah bagi kegiatan ekonomi, ini sudah tentu memberi kesan kepada kualiti air.

“Selain itu, kawalan pengaliran sedimentasi (mengalir dari kawasan penerokaan ke tasik) adalah perlu untuk mengelakkan mendapan di dalam tasik.

+ **Gangu ekosistem, biodiversiti**

“Apabila ini berlaku, ia juga mengganggu ekosistem dan biodiversiti dalamnya seperti seperti teratai dan juga ikan yang menjadi tarikan pengunjung ke Tasik Chini,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Nadiatul Adilah berkata, pengaliran sedimentasi atau tanah itu juga boleh mengalir ke Sungai Pahang kerana ia bercantum dengan Sungai Chini yang mengalir daripada Tasik Chini.

“Oleh kerana Tasik Chini sebahagian *sub basin* Sungai Pahang, kemungkinan kesan ini tidak dapat dielakkan,” katanya.

Minggu lalu, *BH* melaporkan masa depan Tasik Chini yang terkenal sebagai destinasi tarikan eko pelancongan semakin kelam apabila penerokaan tanah serta perlombongan di Bukit Ketaya, dikesan terus berleluasa.

Tinjauan di sekitar tasik dan Bukit Ketaya mendapati penerokaan tanah tanpa kawalan dilakukan berhampiran tasik seolah-olah tiada zon penampungan seperti lazimnya ditetapkan bagi mengelak pencemaran alam sekitar.

Difahamkan, penerokaan tanah bagi perlombongan bijih besi di kawasan itu bermula sejak beberapa tahun lalu, namun ia menjadi semakin parah kebelakangan ini.



Apabila kita naik bot menyusuri Tasik Chini, kiri dan kanan ada aktiviti penerokaan tanah bagi kegiatan ekonomi, ini sudah tentu memberi kesan kepada kualiti air”

Nadiatul Adilah Ahmad Abdul Ghani,
Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP